# PELAJARAN 10

## SULTAN KELANTAN

## (สุลต่านแห่งรัฐกลันตัน)

**เนื้อหาในบทที่ 10 ประกอบด้วย**

1. Rencana: Sultan Kelantan (บทความ:สุลต่านแห่งรัฐกลันตัน)
2. Tatabahasa Ayat Majmuk Pancangan jenis Ayat Komplemen (ไวยากรณ์ประโยคอเนกรรถประโยคชนิดประโยค Komplemen หรือประโยคที่มีส่วนประกอบเป็นส่วนสมบูรณ์)
3. สำนวนภาษาที่ควรทราบ
4. บทสรุป
5. การประเมินผลท้ายบทเรียน
6. เฉลยแบบประเมินผลท้ายบทเรียน

# PELAJARAN 10

# SULTAN KELANTAN

## 1. Rencana

**Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra ibni Almarhum Sultan Yahya Petra**, telah diputerakan pada 11 November 1949 di Istana Jahar, Kota Bharu, Kelantan. Baginda telah dilantik sebagai Raja Muda Kelantan pada 11 November 1967, apabila Baginda 18 tahun.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan telah melanjutkan pelajaran jurusan Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia. Pada 30 Mac 1980, Baginda telah dilantik dan ditabalkan sebagai Sultan Kelantan mengikut adat istiadat dengan cara besar-besaran dan menarik di Balai Besar, Kota Bharu, Kelantan.

Baginda telah berkahwin dengan **Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis binti Tengku Abdul Hamid** pada tahun 1968. Baginda telah dikurniakan dengan 3 orang putera dan seorang puteri. Baginda sebagai teladan lelaki yang mementingkan keluarga dan menyokong segala pendidikan putera-putera dan puteri Baginda, yang menjadi teladan yang baik kepada rakyat jelata Baginda. Semua putera dan puteri Baginda dapat berpendidikan sehingga peringkat tertinggi.

Dalam jangka masa 21 tahun yang lalu, Baginda Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra ibni Almarhum Sultan Yahya Petra bukan sahaja ayahanda bagi penduduk Kelantan sendiri, tetapi Baginda juga merupakan penggerak utama yang menggalakkan keamanan,

kehormatan, kestabilan dan kemajuan ekonomi, sama ada di Malaysia, mahu pun di Asia Tenggara dan masyarakat antarabangsa, pada umumnya.

Baginda bukan hanya memberikan perhatian kepada tugas-tugas berkenaan kehidupan rakyat jelata sahaja, tetapi Baginda juga memberikan perhatian kepada pentadbiran dan perkembangan negara dengan menggunakan segala pengetahuan dan teknologi untuk melaksanakan semua projek.

Baginda sentiasa melawat rakyat jelata di seluruh negeri Kelantan. Ini bukan hanya mewujudkan sokongan yang rapat dengan rakyat, rakyat dengan pegawai kerajaan, tetapi juga untuk dapat maklumat-maklumat berkenaan kemajuan perkembangan negeri, masalah-masalah yang diatasi oleh rakyat dan menolong mengatasi masalah-masalah tertentu secara langsung.

Petikan di atas diubahsuai daripada rencana atas pencapaian yang terpuji Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, sempena Upacara Pengurniaan Ijazah kedoktoran Kehormat Sains Politik Kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Pada Tahun Akademik 2000, di Universiti Ramkham haeng, Bangkok, pada 8 Januari 2002).

**Perbendaharaan Kata**

| | |
|---|---|
| Duli Yang Maha Mulia [du-li/-yaŋ/-ma-ha/-mu-li-a] | เป็นคำนำหน้าสุลต่าน duli หมายถึง ธุลี, ฝุ่น หมายถึง พระมหากษัตริย์ เทียบได้กับฝ่าละอองธุลีพระบาท ของไทย |
| Sultan [sul-tan] | น. พระราชา, เจ้าผู้ครองรัฐ |
| Kelantan [kə-lan-tan] | น. รัฐทางชายฝั่งทะเลตะวันออกของแหลมมลายู อยู่ทางใต้ของไทย มีเมืองหลวงชื่อ Kota Bharu |

| | |
|---|---|
| Tuanku [tu-an-ku] | น. บุรุษที่ 2 ใช้กับพระราชา, กษัตริย์ sultan หมายถึงใต้ฝ่าละอองพระบาท, พระองค์ |
| almarhum [al-ma-hum] | น. คำนำหน้าชื่อชายที่ถึงแก่กรรมไปแล้ว |
| ibni [ib-ni] | น. ลูกชาย (ภาษาอาหรับ) |
| **diputerakan** [di-pu-tə-ra-kan] | ก. (ถูก) ให้กำเนิด, เกิด (ราชาศัพท์) |
| **dilantik** [di-lan-ti?] | ก. pasif (ถูก) แต่งตั้ง |
| **sebagai** [sə-ba-gai] | บ. เพื่อ, สำหรับ, เป็น, เปรียบเป็น |
| Raja Muda [ra-ǰa/mu-da] | น. มกุฏราชกุมาร |
| **melanjutkan** [mə-lan-ǰut-kan] | ก. ต่อเนื่อง, ขยายเพิ่มขึ้น |
| **jurusan** [ǰu-ru-san] | น. สาขาวิชา |
| **ditabalkan** [ta-bal] | ก. pasif ได้รับการสถาปนา |
| adat [a-dat] | น. ขนบธรรมเนียม ประเพณี |
| istiadat [is-ti-a-dat] | น. พิธี พิธีรีตอง ระเบียบแบบแผน |
| Raja Perempuan [ra-ǰa-pə-rəm-puan] | น. พระราชินี |
| Tengku [təŋ-ku] | น. ตำแหน่งเจ้านายมลายู (ลูกหรือ ผู้สืบเชื้อสายกษัตริย์) |
| **dikurniakan** [kur-nia] | ก. pasif ได้รับพระราชทาน (ถูก) ให้ด้วยความรัก ความเมตตา |
| teladan [tə-la-dan] | น. แบบอย่าง (ตัวอย่าง) ที่ดี |
| mementingkan [mə-mən-tiŋ-kan] | (ก. จากราก penting) ให้ความสำคัญ |
| menyokong [mə-ɲo-koŋ] | (ก. จากราก sokong) ช่วยเหลือ, ค้ำจุน, อุ้มชู |
| rakyat jelata [ra?-yat/ǰə-la-ta] | น. ประชาชน (พลเมือง) ทั่วไป |
| berpendidikan [bər-pən-di-di-kan] | ก. ได้รับการศึกษา, มีการศึกษา |
| jangka [ǰaŋ-ka] | น. ระยะเวลา |
| Penggerak [pəŋ-ge-ra?] | น. ผู้สนับสนุน, ผู้ผลักดัน |

| | |
|---|---|
| **menggalakkan** [mə-ŋ-ga-la?-kan] | ก. ส่งเสริม, กระตุ้น, สนับสนุน |
| **keamanan** [kə-a-ma-nan] | น. ความสงบสุข, สันติภาพ |
| **kehormatan** [kə-hor-ma-tan] | น. เกียรติยศ, ชื่อเสียง, ความยกย่อง |
| **kestabilan** [kə-s-ta-bi-lan] | น. ความมั่นคง, เสถียรภาพ |
| **kemajuan** [kə-ma-ǰu-an] | น. ความก้าวหน้า |
| Asia Tenggara [a-si-a/-tə-ŋ-ga-ra] | น. เอเชียตะวันออกเฉียงใต้ |
| masyarakat [ma-ša-ra-kat] | น. สังคม, สมาคม, ชุมนุมชน |
| **umumnya** [u-mum-ɲa] | น. โดยทั่วไป, โดยลักษณะรวมๆ ทั่วๆไป, โดยภาพรวม, ลักษณะทั่วๆไป |
| **pentadbiran** [pən-tad-bi-ran] | น. การบริหารจัดการธุรกิจ |
| **perkembangan** [pər-kəm-ba-ŋan] | น. การพัฒนา, ความงอกงาม, ความก้าวหน้า |
| **pengetahuan** [pə-ŋə-ta-hu-an] | น. ความรู้, การเรียนรู้, สติปัญญา |
| teknologi [tek-no-lo-gi] | น. วิชาที่ใช้ความรู้วิทยาศาสตร์เพื่อประกอบวัตถุเป็นอุตสาหกรรมแขนงต่างๆ |
| **melaksanakan** [mə-lak-sa-na-kan] | ก. เปรียบเทียบกับ, ดำเนินงาน, ทำการให้เสร็จ |
| projek [pro-ǰek] | น. โครงการ, แผนงาน |
| **mewujudkan** [mə-wu-jud-kan] | ก. ทำให้ปรากฏเป็นรูป, เป็นร่าง |
| **sokongan** [so-ko-ŋan] | น. ความช่วยเหลือ, การค้ำชู, การบำรุงรักษา |
| pegawai [pə-ga-wai] | น. เจ้าหน้าที่, ข้าราชการ |
| langsung [laŋ-suŋ] | ว. ตรง, ตลอด, คงที่ |

เนื้อหาในบทเรียนนี้เป็นบทความสั้นๆ เกี่ยวกับสุลต่านแห่งรัฐกลันตัน ประเทศมาเลเซีย ที่เก็บความจากสารคดีประกอบพิธีทูลเกล้าถวายปริญญาดุษฎีบัณฑิตกิตติมศักดิ์ สาขาวิชารัฐศาสตร์ แด่สุลต่านแห่งรัฐกลันตัน ตวนกู อิสมาอิล เปตรา อิบนี อัลมาร์ฮุม

สุลต่าน ยะฮ์ยา เปตรา ประจำปีการศึกษา 2543 ณ มหาวิทยาลัยรามคำแหง เมื่อวันที่ 8 มกราคม 2545

**2. Tatabahasa**

Tatabahasa ในบทเรียนนี้จะเป็นเรื่อง Ayat Majmuk Pancangan ชนิด Ayat komplemen ซึ่งเป็นเรื่องต่อเนื่องจากบทที่ 9 (Ayat Relatif) หรือประโยคที่มี yang อยู่ในตำแหน่งต่างๆ เพื่อเชื่อมประโยคหลักกับอนุประโยค) เช่น

Bangunan **yang** tinggi itu Bangunan Baiyok.

**2.1 Ayat komplemen** คือประโยคหลายใจความที่มีประโยคหลัก (ayat induk) และอนุประโยค (ayat kecil) ที่ทำหน้าที่ให้ส่วนประกอบต่างๆ ของประโยคมีใจความสมบูรณ์ โดยมีคำ เช่น **bahawa, untuk, supaya** dsb. เป็นคำเชื่อมประโยค ดังตัวอย่างต่อไปนี้

(i) Mereka mengetahui **bahawa Ali sudah meninggal dunia.**

(ii) Budak itu datang **untuk melaporkan diri.**

(iii) Semua pelajar berusaha **supaya mendapat kejayaan.**

ประโยคตัวอย่างข้างต้นนี้ ในแต่ละประโยคประกอบด้วย 2 ประโยค คือประโยคหลัก (ayat induk) และอนุประโยค (ayat komplemen) โดยมีคำเชื่อม (kata komplemen) เป็นคำเชื่อมให้ทั้ง 2 ประโยค เป็น ayat majmuk pancangan ชนิด ayat komplemen

จากตัวอย่างดังกล่าวสามารถแสดงรายละเอียดได้ดังนี้

(i) Mereka mengetahui bahawa Ali sudah meninggal dunia.

a) Mereka mengetahui.

b) Ali sudah meninggal dunia.

kata komplemen: **bahawa**

(ii) Budak itu datang **untuk melaporkan diri.**

a) Budak itu datang

b) Budak itu melaporkan diri

kata Komplemen: **untuk**

(iii) **Semua pelajar berusaha supaya mendapat kejayaan.**

a) **Semua pelajar berusaha**

b) **Semua pelajar mendapat kejayaan**

**kata komplemen: supaya**

อนึ่ง ประโยค komplemen ชนิดที่มีคำเชื่อมประโยค **bahawa** บางครั้งอาจละคำ bahawa (ไม่ปรากฏรูปคำ bahawa) ได้ ในกรณีที่ไม่ทำให้ความหมายคลาดเคลื่อน เช่น Mereka mengetahui bahawa Ali sudah meninggal dunia. อาจละคำ bahawa เป็น **Mereka mengetahui Ali sudah meninggal dunia.**

2.2 **ชนิดของประโยค komplemen** (jenis-jenis ayat komplemen)

ประโยค komplemen แบ่งออกเป็น 3 ชนิด ได้แก่ Ayat komplemen frasa nama, Ayat komplemen frasa kerja และ Ayat komplemen frasa adjektif ดังมีรายละเอียดดังนี้

**2.2.1 Ayat Komplemen Frasa Nama** โดยปกติแล้ว frasa nama (นามวลี) สามารถปรากฏอยู่ในประโยคเป็น **subjek** (ประธาน) **objek tepat** (กรรมตรง) และ **objek sipi** (กรรมรอง) แต่นามวลีใน ayat komplemen สามารถปรากฏอยู่ในประโยคเป็น subjek และ objek tepat (กรรมตรง) เท่านั้น โดยเรียกว่า ayat komplemen frasa nama subjek และ ayat komplemen frasa nama objek tepat ดังมีรายละเอียดต่อไปนี้

**2.2.1.1 Ayat Komplemen Frasa Nama Subjek** ดังตัวอย่าง เช่น

(i) **Bahawa undang-undang menjamin keadilan** adalah jelas.

(ii) **Untuk menjadi orang terkenal dalam masyarakat ini** memang susah.

(iii) **Tuduhan bahawa Ali panjang tangan** amat nyata.

(iv) Adalah sukar **untuk mendapat gred G dalam peperiksaan itu memang susah.**

(v) Adalah mustahak **bahawa pihak universiti menggunakan sukatan pelajaran baru.**

ขอให้สังเกต ข้อ (iv) และ (v) ท่านจะเห็นลำดับข้อความใน ayat komplemen แตกต่างไปจากข้อ (i), (ii) และ(iii) ทั้งนี้เป็นการเรียงลำดับสลับความ (songsang) ดังนั้น หน้าที่ของข้อความใน ayat komplemen ยังคงทำหน้าที่เป็น subjek เช่นกัน

**2.2.1.2 Ayat Komplemen Frasa Nama Objek** ดังที่ได้กล่าวมาแล้ว Objek ในกรณีนี้จะเป็นได้เฉพาะ Objek tepat (กรรมตรง) ใช้กับ kata kerja transitif (สกรรมกริยา) เท่านั้น ดังตัวอย่างเช่น

(i) Pemuda itu mengakui **bahawa dia pernah merokok.**

(ii) Orang-orang kampung mengharapkan **bahawa rancangan itu akan membawa faedah.**

(iii) Berita itu menyebut **bahawa semua penumpang terselamat.**

**2.2.2 Ayat Komplemen Frasa Kerja** ประโยค komplemen ชนิดนี้เป็นประโยคที่มี kata kerja tak transitif (อกรรมกริยา) ที่ตามด้วย frasa nama (นามวลี) ที่ทำหน้าที่ขยายความ ทำให้อกรรมกริยานั้นมีความหมายสมบูรณ์ยิ่งขึ้น เป็นส่วนสมบูรณ์ (pelengkap) ของประโยค **ที่ไม่ใช่ frasa nama (นามวลี)** แต่ถ้าดูเผินๆ ไม่พิจารณาอย่างถี่ถ้วนแล้ว ประโยคชนิดนี้จะเหมือนกับ 2.2.1.2 ayat komplemen frasa nama objek ซึ่งจะแตกต่างกันตรงที่ประโยคชนิดนี้ (2.2.2) **ayat komplemen frasa kerja ไม่สามารถเปลี่ยนเป็นประโยค pasif** (กรรมวาจก) ได้ประโยคตัวอย่างต่อไปนี้

(i) Saya berpendapat **perkara itu tidak benar.**

(ii) Bapa Ali bersedia **untuk menghantar anaknya ke universiti swasta.**

(iii) Mereka berharap **bahawa projek mereka akan diterima.**

**2.2.3 Ayat Komplemen Frasa Adjektif** ในโครงสร้างประโยคพื้นฐานดังที่ท่านได้ทราบมาแล้ว FA (Frasa Adjektif) เป็น predikat (ภาคแสดง) ชนิดหนึ่งของประโยคชนิด FN+FA ในประโยค komplemen ก็มี ayat kecil (อนุประโยค) ที่เป็น frasa adjektif แทรกอยู่ในประโยคหลัก (ayat induk) เช่นกัน แต่มีที่ใช้น้อย ดังเช่น

(i) Ibu Surinah sangat yakin **bahawa anaknya akan lulus dalam peperiksaan itu.**

(ii) Dia amat percaya **bahawa dia akan diterima sebagai calon.**

(iii) Budak itu sedar benar **bahawa dia harus rajin belajar.**

## 3. Peribahasa

3.1 **ringan tangan** [ri-ŋan/-ta-ŋan] หมายถึง ขยันหรือ ชอบให้ความช่วยเหลือ ดังเช่น

Ahmad bekerja dari pukul 7:00 pagi hingga 7:00 petang, hari Ahad pun tidak bercuti, sukar mencari orang **ringan tangan** seperti dia lagi.

3.2 **titik berat** [ti-ti?/-bə-rat] หมายถึง การให้ความสำคัญต่อสิ่งใดสิ่งหนึ่ง, การมุ่งเน้นให้ความสำคัญเฉพาะเรื่อง สามารถใช้เป็นคำกริยาได้ โดยการเติม meN-----kan จะเป็น **menitikberatkan** [mə-ni-ti?-bə-rat –kan] เช่น

Kerajaan **menitikberatkan** soal pembasmian kemiskinan dalam rancangan pembangunannya.

3.3 **rambut sama hitam, hati lain-lain** [ram-but/-sa-ma/-hi-tam/-ha-ti/-lai-n/-lai-n]

สุภาษิตนี้มีความหมายเช่นเดียวกับ **Rambut sama hitam, hati masing-masing berlainan pendapatnya** หมายถึง ทุกๆ คนมีความคิดแตกต่างๆ กัน (ผมสีดำเหมือนกัน แต่จิตใจแตกต่างกัน) ดังตัวอย่าง

Sukar dipercayai walaupun mereka adik-beradik, seperti dikatakan **rambut sama hitam, hati lain-lain.**

3.4 **Sama seperahu** [sa-ma/-sə-pə-ra-hu] หมายถึง คนที่มีชะตาชีวิตเหมือนกัน คนที่ตกอยู่ในความวิตก กังวลในเรื่องใดเรื่องหนึ่ง แม้จะเป็นเรื่องยากลำบาก เขาก็จะยอมรับความลำบากร่วมกัน ดังตัวอย่าง เช่น

Mereka bersama bertanggungjawab atas bayaran ganti rugi pekerja-pekerja itu, kerana mereka **sama seperahu.**

## 4. บทสรุป

ในบทเรียนนี้ท่านได้เรียนรู้ศัพท์ใหม่ในเรื่องราชาศัพท์ง่ายๆ ที่เกี่ยวกับสุลต่านแห่งรัฐกลันตัน ตลอดจนไวยากรณ์ของอเนกรรถประโยคชนิดประโยค komplemen หรือประโยคหลายใจความที่มีคำ bahawa, untuk และ supaya เป็นคำเชื่อมประโยค เพื่อให้มีใจความสมบูรณ์ยิ่งขึ้น ซึ่งแบ่งออกเป็น 3 ชนิด คือ ayat komplemen frasa nama, ayat komplemen frasa kerja และ ayat komplemen frasa adjektif

## 5. การประเมินผลท้ายบทเรียน

5.1 ให้ฝึกอ่านในใจและอ่านออกเสียง Sultan Kelantan

5.2 ให้ฝึกแปลบทความสั้นใน ข้อ 5.1 ด้วยตัวเอง

5.3 ให้ฝึกแปลข้อ 3 (สำนวนภาษาที่ควรทราบ)

5.4 Jawab soalan-soalan yang berikut:

5.4.1 Siapakah nama Sultan Kelantan?

5.4.2 Bilakah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan telah diputerakan? dan di mana?

5.4.3 Berapa umur Baginda apabila telah dilantik sebagai Raja Muda Kelantan?

5.4.4 Baginda telah melanjutkan pelajaran jurusan apa? dan di mana?

5.4.5 Bilakah Baginda telah dilantik dan ditabalkan sebagai Sultan Kelantan?

5.4.6 Siapakah Raja Perempuan Kelantan?

5.4.7 Berapa orang anakanda Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan?

5.4.8 Apakah perhatian Baginda yang diberikan?

5.4.9 Mengapa Baginda sentiasa melawat rakyat jelata di seluruh negeri Kelantan?

5.4.10 Pernahkah Baginda melawat negera Thai?

## 6. เฉลยแบบประเมินผลท้ายบท

6.1 Terjemahan dalam judul 5.2 adalah yang berikut:

ฝ่าละอองธุลีพระบาทสุลต่านแห่งรัฐกลันตัน ตวนกู อิสมาอิล เปตรา อิบนี อัล-มาร์ฮุม สุลต่าน ยะฮ์ยา เปตรา ได้ประสูติ เมื่อวันที่ 11 พฤศจิกายน 1949 ณ พระราชวังจาฮาร์ โกตาบาห์รู กลันตัน พระองค์ทรงได้รับการแต่งตั้งเป็นมกุฎราชกุมารแห่งรัฐกลันตัน เมื่อวันที่ 11 พฤศจิกายน 1967 เมื่อพระองค์ทรงมีอายุ 18 พรรษา

ฝ่าละอองธุลีพระบาทสุลต่านแห่งรัฐกลันตัน ได้ทรงศึกษาต่อสาขาวิชากฎหมายจากมหาวิทยาลัยอิสลามนานาชาติ กรุงกัวลาลัมเปอร์ ประเทศมาเลเซีย เมื่อวันที่ 30 มีนาคม 1980 พระองค์ทรงได้รับการแต่งตั้งและทรงได้รับการสถาปนาเป็นสุลต่านแห่งรัฐกลันตัน ตามราชประเพณีอย่างงดงามสมพระเกียรติ ณ พระราชวังบาไลเบอซาร์ โกตาบาห์รู รัฐกลันตัน

พระองค์ได้ทรงอภิเษกสมรสกับฝ่าละอองธุลีพระบาทพระราชินีแห่งรัฐกลันตัน เติงกู อานิส บินติ เติงกู อับดุล ฮามิด ในปี 1968 พระองค์ทรงมีพระโอรส 3 องค์ และพระธิดาองค์หนึ่ง พระองค์ทรงเป็นแบบอย่างของชายที่ให้ความสำคัญแก่ครอบครัวและสนับสนุนการศึกษาทุกรูปแบบแก่พระโอรส และพระธิดาของพระองค์ที่จะกลายเป็นตัวอย่างที่ดีต่อประชากรของพระองค์สืบไป พระโอรสและพระธิดาของพระองค์ทุกพระองค์ทรงได้รับการศึกษาจนถึงระดับสูงสุด

ในระยะเวลาที่ผ่านพ้นไป 21 ปี สุลต่านแห่งรัฐกลันตัน ตวนกู อิสมาอิล เภตรา อิบนี อัลมาร์ฮุม สุลต่าน ยะฮ์ยา เภตรา ไม่เพียงเป็นพระบิดาของชาวกลันตันเอง แต่พระองค์ยังเสมือนเป็นผู้ผลักดันสำคัญที่ส่งเสริมให้มีความสงบสุข เกียรติยศ ชื่อเสียง เสถียรภาพและความก้าวหน้าทางเศรษฐกิจ ไม่เพียงแต่ในประเทศมาเลเซีย แต่ยังรวมตลอดไปทั้งเอเชียตะวันออกเฉียงใต้และนานาประเทศอีกด้วย

พระองค์ไม่เพียงสนพระทัยต่อภารกิจที่เกี่ยวกับความเป็นอยู่ของประชากรเท่านั้น แต่ยังสนพระทัยต่อการบริหารและการพัฒนาประเทศด้วยการใช้ความรู้และเทคโนโลยีในการดำเนินงานโครงการต่างๆ อีกด้วย

พระองค์เสด็จไปพบปะราษฎร์ทั่วรัฐกลันตันอยู่เสมอ ซึ่งไม่เพียงทำให้เกิดความใกล้ชิดกับราษฎร ราษฎรกับข้าราชการ แต่ยังทำให้ทรงได้รับข้อมูลเกี่ยวกับความก้าวหน้าในการพัฒนาประเทศ ปัญหาที่ราษฎรเผชิญและการช่วยแก้ปัญหาได้โดยตรง

6.2 Terjemahan dalam judul 5.3 adalah yang berikut:

6.2.1 **ringan tangan**

Ahmad ทำงานตั้งแต่ 7 :00 โมงเช้าจนถึง 7 :00 โมงตอนค่ำ วันอาทิตย์ก็ไม่หยุดยากที่จะหาคนขยันอย่างเขาได้อีก

6.2.2 **titik berat**

รัฐบาลให้ความสำคัญต่อปัญหาการขจัดความยากจนในแผนพัฒนาประเทศ

6.2.3 **Rambut sama hitam, hati lain-lain**

เป็นการยากที่จะเชื่อได้ว่า พวกเขาเป็นพี่น้องกัน ดังคำกล่าวที่ว่า ผมสีดำเหมือนกัน แต่จิตใจแตกต่างกัน

6.2.4 **Sama seperahu**

พวกเขาร่วมกันรับผิดชอบต่อการจ่ายเงินชดเชยคนงานเหล่านั้น เพราะพวกเขาอยู่ในเรือลำเดียวกัน

6.3 Jawapan dalam judul 5.4 adalah yang berikut:

6.3.1 Nama Sultan Kelantan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan,Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra.

6.3.2 Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan telah diputerakan pada 11 November 1949, di Istana Jahar, Kota Bharu, Kelantan.

6.3.3 Baginda telah dilantik sebagai Raja Muda Kelantan apabila Baginda 18 tahun.

6.3.4 Baginda telah melanjutkan pelajaran jurusan undang-undang, di Universiti Islam Antarabangsa, Kuala lumpur.

6.3.5 Pada 30 Mac 1980, Baginda telah dilantik dan ditabalkan sebagai Sultan Kelantan.

6.3.6 Raja Perempuan Kelantan Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis binti Tengku Abdul Hamid.

6.3.7 Anakanada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan 4 orang, iaitu 3 orang putera dan seorang puteri.

6.3.8 Baginda memberikan perhatian kepada tugas-tugas berkenaan kehidupan rakyat jelata, pentadbiran dan perkembangan negara dengan menggunakan segala pengetahuan dan teknologi.

6.3.9 Baginda sentiasa melawat rakyat jelata di seluruh negeri Kelantan untuk mewujudkan sokongan yang rapat dengan rakyat, rakyat dengan pegawai kerajaan, untuk dapat maklumat-maklumat berkenaan kemajuan perkembangan negeri, masalah-masalah rakyat yang Baginda dapat menolong mengatasi masalah-masalah tertentu secara langsung.

6.3.10 Ya, Baginda pernah melawat negara Thai.

# แบบประเมินผลหลังเรียน

## Post - Test

**I. Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.** (จงเติมคำในช่องว่างของแต่ละประโยคให้สมบูรณ์ ด้วยการเลือกคำที่กำหนดให้ในแต่ละข้อ)

1. Lima orang sahabat baik itu bercadang untuk pergi berkelah, ______ akan pergi esok.

   1) Saya 2) Dia 3) Mereka 4) Kami

2. Razif budak baik. Dia _________oleh kawan-kawannya.

   1) bersukakan 2) disukakan 3) persukakan 4) disukai

3. Orang tua itu ialah nenek saya. Saya ialah _______nya.

   1) cicit 2) anak 3) cucu 4) sepupu

4. Ayah sedang _______ radio yang rosak itu.

   1) baikkan 2) terbaik 3) membaiki 4) dibaiki

5. Kakak telah memecahkan ________ cawan semalam.

   1) sebuah 2) seketul 3) sekumpulan 4) sebiji

6. Sewaktu di bandar Emak saya_______Hamid di perhentian bas.

   1) tersentuh 2) ternampak 3) tersepak 4) terjaga

7. Mata kail digunakan untuk _______ ikan.

   1) mematuk 2) menyudu 3) memancing 4) memasang

8. Ladang koko Encik Ali sangat luas seperti ________ .

1) sungai 2) lautan 3) istana 4) langit

9. Surat itu dialamatkan _______ kakaknya.

1) ke 2) dari 3) kepada 4) daripada

10. Gajinya hanya _______ untuk dirinya seorang.

1) cukup makan 2) cukup syarat 3) cukup sedikit 4) cukup besar

11. Usman _____ jemput saya ke rumahnya esok.

1) ber- 2) ter- 3) men- 4) di-

12. Apabila melihat rumah itu _______, dia pun menelefon pasukan bomba.

1) membakar 2) dibakar 3) terbakar 4) bakar

13. Kami tinggal di situ _______ lamanya.

1) minggu 2) seminggu 3) mingguan 4) diminggu

14. Emak membelikan saya sehelai baju. (ayat ini sama makna dengan..)

1. Sehelai baju telah dibeli oleh emak.
2. Sehelai baju telah dibeli oleh emak untuk saya.
3. Emak dan saya telah membeli sehelai baju.
4. Saya dan emak telah dibelikan sehelai baju.

15. Buku cerita itu telah saya baca. (ayat ini sama makna dengan..)

1. Buku cerita itu telah dibaca oleh saya.
2. Saya telah membaca buku cerita itu.
3. Saya telah dibaca oleh buku cerita itu.
4. Buku cerita telah saya baca itu.

16. Zainal pergi _______ wayang gambar semalam.

1) menengok 2) menonton 3) melihat 4) merisik

17. Rahim ________ sampai ke sekolah, dia terus ke kantin.

1) sebentar 2) sementara 3) sekecap 4) tadi

18. Roslan menghantar _______ surat kepada ibunya di kampung.

1) sehelai 2) sepapan 3) sepucuk 4) sekeping

19. Abdullah berjalan _______ satu gerai ke gerai yang lain.

1) daripada 2) dari 3) ke 4) kepada

20. _______ masa ini ramai orang sedang menganggur.

1) Di 2) Dari 3) Pada 4) Daripada

21. Ayah membeli ________ durian semalam.

1) sebiji 2) seutas 3) seulas 4) sekeping

22. ________ buaya telah dijumpai di tebing sungai itu baru-baru ini.

1) sebuah 2) sebatang 3) seekor 4) selonggok

23. Tiap-tiap hari Salina hanya makan _______ roti yang telah disapu dengan marjerin.

1) sebuku 2) sebungkus 3) sebatang 4) sekeping

24. Setiap pagi jalan raya ini sibuk dengan ***lalulintas***. Lalulintas seerti dengan perkataan _________ .

1) motokar 2) kenderaan 3) motosikal 4) bas

25. Rakyat negara _______ terdiri daripada berbilang bangsa.

1) semua 2) kita 3) kata 4) raja

26. Di ________ tidak ada kedai menjual akhbar dan majalah.

1) ini 2) itu 3) sini 4) mana

27. ________ nama gunung yang tertinggi di negara Thai?

1) Apa 2) Apalah 3) Di manakah 4) Siapa

28. Dia menaiki bas________ Rajburi ke Bangkok.

1) dari 2) daripada 3) sana 4) sini

29. Ayat yang mana betul?

1) Burung itu di tanggap oleh saya. 2) Burung itu sedang saya tanggap.

3) Burung itu saya sedang tanggap. 4) Burung itu ditanggap oleh saya.

30. Ayat yang mana betul?

1) Kereta itu abang saya pandu. 2) Kereta itu dipandu oleh abang saya.

3) Kereta itu abang dipandu oleh saya. 4) Kereta itu di pandu oleh abang saya.

**II. Pilih simpulan bahasa yang betul untuk mengisi tempat kosong di bawah**

(จงเติมคำในช่องว่างของข้อความต่อไปนี้ ด้วยสำนวนที่เหมาะสม)

31. Rizal berasa __________ kerana berjaya dalam peperiksaan.

1) kecil hati 2) besar hati 3) keras kepala 4) hati-hati

32. Hassan suka __________ ketika bermain di padang sekolah.

1) mandi kerbau 2) panjang tangan 3) berkaki ayam 4) hati-hati

33. Osman membawa __________ ketika menziarahi emaknya di hospital.

1) buah tangan 2) anak buah 3) buah hati 4) buah hidup

34. Badan adik masih kotor setelah dia mandi. Ini sebab dia __________.

1) berat tulang 2) berat mulut 3) mandi peluh 4) mandi kerbau

35. Budak itu agak pemalu dan________. Apabila ditanya barulah dia menjawab.

1) berat mulut 2) berat tulang 3) berat mata 4) berat sebelah

36. Zainab tidak suka duduk serumah dengan Zaiton kerana Zaiton_________.

1) besar hati 2) banyak mulut 3) makan angin 4) bunga wang

37. Ali dilahirkan oleh Kak Su. Dia ialah ____________ Kak Su.

1) anak kandung 2) anak tiri 3) anak buah 4) anak yatim

38. Ismail anak orang kaya. Tiap-tiap tahun dia dibawa oleh keluarganya ____________ ke Eropah.

1) makan jalan 2) makan hati 3) makan angin 4) makan garam

39. Rumahtangga suami isteri itu bertambah meriah dengan kehadiran seorang ____________.

1) darah daging 2) cahaya mata 3) anak buah 4) anak tunggal

40. "Seburuk-buruk perangainya, dia masih ____________ kita," kata ayah.

1) cahaya mata 2) darah daging 3) anak emas 4) anak sulung

## III. จงเชื่อมประโยคในแต่ละข้อให้เป็นประโยคเดียวกันโดยใช้คำสันธาน

ตัวอย่าง เช่น Usman ada basikal. Adiknya tiada.

= Usman ada basikal tetapi adiknya tiada.

41. Kami membasuh tangan __________ makan bekalan yang dibawa.

1) kerana 2) hingga 3) supaya 4) sambil

42. "Awak boleh menulis __________ menaip karangan awak sebelum diserahkan kepada saya"

1) dan 2) atau 3) lalu 4) kecuali

43. Penghibur itu menyanyi __________ menari semasa mengadakan pertunjukan pentas.

1) sambil 2) dan 3) atau 4) manakala

44. Anaknya gagal di dalam peperiksaan __________ dia begitu malas belajar.

1) hingga 2) supaya 3) kerana 4) jika

45. Budak itu dihadiahkan sebuah buku __________ sebatang pen kerana kejayaannya di dalam peperiksaan.

1) kecuali 2) dan 3) atau 4) supaya

46. Mereka pergi ke sekolah tiap-tiap hari __________ hari Ahad.

1) kerana 2) kecuali 3) untuk 4) sambil

47. Saya berharap __________ saudara sembuh segera.

1) supaya 2) manakala 3) hingga 4) lalu

48. __________ saya terlupa, tolong ingatkan saya.

1) Jika 2) Manakala 3) Supaya 4) Kecuali

49. Dia duduk-duduk saja __________ orang lain sibuk bekerja.

1) sambil 2) kerana 3) lalu 4) manakala

50. Kami bertungkus-lumus __________ kami keletihan.

1) hingga 2) kerana 3) kecuali 4) tetapi

**IV. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut:**

**(จงอ่านข้อความข้างล่างนี้ แล้วตอบคำถามตามความเข้าใจ)**

Pingpong ialah sejenis sukan yang dimainkan di atas meja dengan menggunakan pemukul atau bet, dan bola yang saiznya kecil sedikit daripada telur ayam. Pemain akan memukul bola melepasi jaring di atas meja pingpong. Pukulan seterusnya dilakukan secara bergilir-gilir sehingga bola dimatikan.

Untuk bermain pingpong, pemain perlu dapatkan bet, bola pingpong dan meja yang dipasangkan jaring. Pemain-pemain boleh bermain secara perseorangan, beregu atau beregu campuran. Meja pingpong hendaklah bertanda lengkap dan dipasangkan jaring di tengah-tengahnya. Pemain-pemain boleh memilih bet yang sesuai.

Tentang sejarahnya pula, pingpong diperkenalkan pada tahun 1891, oleh Charles Barter di Gloucestershire, Britain. Dari sini ia diperkenalkan ke negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, negara-negara Eropah yang lain, serta kemudiannya ke Asia.

Kini pingpong sudah diterima sebagai sukan antarabangsa dan ia dimainkan di kebanyakan negara dunia. Kejohanan dunia pertama telah diadakan di London pada tahun 1927. Pada tahun itu juga Persekutuan Pingpong Antarabangsa ditubuhkan. Keahlian persekutuan itu kini ialah 145 negara. Dalam pada itu bet untuk permainan ini diperbarui dari semasa ke semasa dan undang-undang tentangnya dibaiki. Kini ternyata pingpong sudah diminati ramai.

51. Apakah pingpong?

..........................................................................................................................

52. Apakah alat-alat untuk bermain pingpong?

..........................................................................................................................

53. Berapa jenis acara untuk permainan pingpong?

..........................................................................................................................

54. Bilakah pingpong diperkenalkan kepada masyarakat?

..........................................................................................................................

55. Siapakah memperkenalkan sukan pingpong kepada masyarakat, dan di mana?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

56 Bilakah kejohanan dunia pertama telah diadakan, dan di mana?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

57. Tahun apakah Persekutuan Pingpong Antarabangsa ditubuhkan?

......................................................................................................................

58. Berapa negarakah sudah menjadi ahli Persekutuan Pingpong Antarabangsa?

......................................................................................................................

59. Betulkah negara Thai juga menjadi salah satu ahli Persekutuan Pingpong Antarabangsa?

......................................................................................................................

60. Kini negara apakah yang sering mendapat kejohanan dunia Pingpong?

......................................................................................................................

**V. Berikan kata dasar serta maknanya perkataan yang berikut:**

(ให้บอกรากคำพร้อมความหมายของคำศัพท์ต่อไปนี้)

ตัวอย่าง menghiasi = hias = ตกแต่ง, ประดับ

61. dimainkan = ........................ = ........................
62. menggunakan = ........................ = ........................
63. pemukul = ........................ = ........................
64. melepasi = ........................ = ........................
65. seterusnya = ........................ = ........................
66. bergilir-gilir = ........................ = ........................
67. perseorangan = ........................ = ........................
68. memilih = ........................ = ........................
69. diperkenalkan = ........................ = ........................
70. kejohanan = ........................ = ........................

**VI. Nyatakan sama ada ayat-ayat di bawah ini ayat aktif atau ayat pasif**

**(ให้ระบุว่าประโยคต่อไปนี้เป็นประโยค pasif หรือ aktif)**

71. Buku tatabahasa itu dikarang oleh seorang profesor. = ayat..................

72. Dia sedang mencari buku yang hilang itu. =

73. Perbuatan yang jahat perlu kauelakkan. =

74. Kanak-kanak itu suka mandi di sungai itu. =

75. Karangan itu belum kutulis lagi. =

**VII. จงแปลข้อความต่อไปนี้ให้เป็นภาษาไทยที่ชัดเจน**

76. Hari guru disambut bertujuan mengenang jasa guru. Guru adalah teman setia kita. Guru mendidik kita dengan hati terbuka agar kita menjadi insan yang berguna. Guru ibarat pelita yang menerangi kegelapan hidup kita melalui usahanya memberikan pendidikan yang berguna. Sememangnya guru insan mulia yang harus dikenang segala jasanya. Segala nasihat berguna mereka harus kita hargai dan bukannya kita anggap seperti hujan jatuh ke pasir.

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

....................................................................................................................................

# เฉลยคำตอบแบบประเมินผลหลังเรียน

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. (3) | 2. (4) | 3. (3) | 4. (3) |
| 5. (4) | 6. (2) | 7. (3) | 8. (2) |
| 9. (3) | 10. (1) | 11. (3) | 12. (3) |
| 13. (2) | 14. (2) | 15. (2) | 16. (2) |
| 17. (2) | 18. (3) | 19. (2) | 20. (3) |
| 21. (1) | 22. (3) | 23. (4) | 24. (2) |
| 25. (2) | 26. (3) | 27. (1) | 28. (1) |
| 29. (2) | 30. (2) | 31. (2) | 32. (3) |
| 33. (1) | 34. (4) | 35. (1) | 36. (2) |
| 37. (1) | 38. (3) | 39. (2) | 40. (2) |
| 41. (3) | 42. (2) | 43. (1) | 44. (3) |
| 45. (2) | 46. (2) | 47. (1) | 48. (1) |
| 49. (4) | 50. (1) | | |

51. Pingpong ialah sejenis sukan yang dimainkan di atas meja dengan menggunakan pemukul atau bet, dan bola yang saiznya kecil sedikit daripada telur ayam.
52. Alat-alat untuk bermain pingpong terdiri daripada bet, bola pingpong dan meja yang dipasangkan jaring.

53. Acara untuk permainan pingpong ada 3 jenis, iaitu secara perseorangan, beregu dan beregu campuran.

54. Pingpong diperkenalkan kepada masyarakat pada tahun 1891.

55. Charles Barter memperkenalkan sukan pingpong kepada masyarakat, di Gloucestershire, Britain.

56. Kejohanan dunia pertama telah diadakan pada tahun 1927, di London.

57. Persekutuan Pingpong Antarabangsa ditubuhkan pada tahun 1927.

58. Kini 145 negara sudah menjadi ahli Persekutuan Pingpong Antarabangsa.

59. Betul. Negara Thai juga menjadi salah satu ahli Persekutuan Pingpong Antarabangsa.

60. Kini negara China sering mendapat kejohanan dunia Pingpong.

| | | |
|---|---|---|
| 61. dimainkan | = main | = เล่น |
| 62. menggunakan | = guna | = ใช้, คุณประโยชน์ |
| 63. pemukul | = pukul | = ตี, ไม้ตี |
| 64. melepasi | = lepas | = ปล่อย, อิสระ, จาก, ล่วง |
| 65. seterusnya | = terus | = ตรงไป, หลังจากนั้น, ต่อจากนั้น, ตรง |
| 66. bergilir-gilir | = gilir | = หมุน, เปลี่ยน, แทน |
| 67. perseorangan | = orang | = คน, มนุษย์, คน (ลักษณนาม) |
| 68. memilih | = pilih | = เลือก |
| 69. diperkenalkan | = kenal | = รู้จัก, รู้, จำได้ |
| 70. kejohanan | = johan | = ผู้ชนะเลิศ, เก่งที่สุด |

71. ayat pasif

72. ayat aktif

73. ayat pasif

74. ayat aktif

75. ayat pasif

76. Terjemahan

วันครู (ถูก) จัดขึ้นเพื่อวัตถุประสงค์ระลึกถึงคุณความดีของครู ครูคือเพื่อนที่ซื่อสัตย์ของเรา ครูสอนพวกเราด้วยใจที่เปิดกว้างเพื่อให้พวกเราเป็นคนที่มีประโยชน์ ครูเปรียบดัง (ตะเกียง) แสงสว่างที่ส่องมายังความมืดของชีวิตพวกเรา ผ่านความพยายามของครูให้การศึกษาที่มีประโยชน์ เป็นความจริงอย่างยิ่งว่าครูเป็นคนมีเกียรติ (น่านับถือ) ที่สมควรได้รับการระลึกถึงคุณความดีทั้งหลาย คำแนะนำที่มีประโยชน์ทั้งหลายของเขาเหล่านั้น ควรที่พวกเราจะต้องเห็นคุณค่าและไม่ใช่สิ่งที่พวกเราจะคิดว่าเป็นเพียง ฝนตกลงบนพื้นทราย